

09 NOV 1996

Mahathir-Dongeng

HUBUNGAN DAGANG ANTARA SELATAN-SELATAN TIDAK MUSTAHIL, KATA MAHATHIR

Oleh: Rachman Nordin

ACCRA (Ghana), 9 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pejuang kerjasama Selatan-Selatan, hari ini menggesa Ghana dan negara-negara membangun lain supaya jangan menerima pendapat bahawa hubungan dagangan tidak boleh wujud di kalangan mereka.

Sambil memberikan perangkaan untuk menolak pendapat itu, Dr Mahathir berkata eksport Malaysia ke negara-negara Selatan meningkat daripada 12.2 peratus daripada jumlah keseluruhan eksportnya pada 1990 kepada 16.5 peratus tahun lepas.

"Sektor swasta kedua-dua negara tidak harus dikongkong oleh dongeng kononnya hubungan dagang tidak boleh berkembang di kalangan negara membangun seperti Malaysia dan Ghana," kata beliau.

Dr Mahathir, yang sedang dalam rangka lawatan rasmi empat hari ke negara bekas jajahan Britain di Afrika Barat ini, berkata demikian ketika berucap kepada kira-kira 200 masyarakat perniagaan daripada kedua-dua negara di satu majlis makan tengah hari di sini.

Sebelum itu, beliau membuka satu pameran mengenai barangan Malaysia dan International Commercial Bank (ICB) yang dimiliki syarikat Malaysia di sini. Beliau kemudian menyaksikan upacara penyerahan syarikat Tema Shipyard and Dry Dock Corporation kepada pemegang saham majoritinya, syarikat Business Focus dari Malaysia.

Anggota rombongan ahli perniagaan seramai 85 orang, diketuai pengerusi Kumpulan Arab-Malaysian Tan Sri Azman Hashim yang mengiringi Perdana Menteri, turut hadir pada majlis itu.

Mereka mewakili sektor perbankan, telekomunikasi, hartanah, perlombongan, binaan, tenaga dan pelancongan Malaysia yang berminat untuk melabur secara langsung dalam 53 projek yang sedang diswastakan atau berminat untuk membeli saham dalam 69 syarikat milik negara itu yang dibuka kepada penyertaan asing.

Dr Mahathir berkata ahli-ahli perniagaan antara kedua-dua negara harus menerokai sektor perkilangan hiliran dengan menggunakan bahan galian, balak dan keluaran pertanian tempatan di samping di negara-negara lain di rantau Afrika Barat dan Tengah.

Ghana memiliki pasaran untuk 17.7 juta orang.

Beliau menggesa para peniaga Malaysia dan Ghana supaya mewujudkan usahasama untuk mengimport dan mengedarkan barangan keluaran Malaysia di Ghana dan negara-negara jirannya yang tidak memiliki kemudahan pelabuhan di samping mengeksport barangan keluaran negara-negara berkenaan menerusi Ghana.

Dr Mahathir berkata tahap perdagangan yang sedia ada dan jenis barangan dagangan yang terhad tidak mencerminkan potensi perdagangan Ghana-Malaysia yang sebenar.

"Saya yakin bahawa perdagangan dua hala antara kedua-dua negara boleh diperluaskan lagi. Sungguhpun peratusannya kecil daripada jumlah dagangan keseluruhan Malaysia, perdagangan Malaysia-Ghana kian meningkat," kata beliau.

Daripada hanya AS\$700,000 lima tahun lalu, perdagangan dua hala antara kedua-dua negara meningkat secara purata 60.3 peratus setahun sehingga mencapai AS\$6.6 juta setahun. (AS\$1 = RM2.5)

Eksport Malaysia ke Ghana berkembang kira-kira 60 peratus setahun pada tempoh yang sama dan mencapai AS\$3.9 juta pada 1995.

Malaysia mengimport barangan bernilai AS\$2.7 juta dari Ghana tahun

lepas, 35 peratus daripadanya merupakan barangan mentah.

Malam tadi, ketika berucap pada majlis makan malam anjuran Majlis Perniagaan Ghana-Malaysia untuk meraikan beliau, Dr Mahathir berkata beliau meramalkan kerjasama Selatan-Selatan akan benar-benar berjaya apabila para peniaga Ghana melabur di Malaysia pada satu ketika nanti.

Presiden Ghana Jerry Rawlings telah mengetuai satu daripada dua lawatan oleh kalangan ahli perniagaan Ghana ke Kuala Lumpur tahun lepas di mana satu bengkel mengenai peluang pelaburan di Ghana diadakan.

Ghana, yang mencapai kemerdekaan daripada Britain lima bulan lebih awal berbanding Malaya pada 1957, menjalankan program pemulihan ekonomi pada 1983 dan mula menswastakan syarikat-syarikat milik negara pada 1988. Ia dijangka mencapai pertumbuhan ekonomi sebanyak lima peratus tahun ini. --  
BERNAMA.

RN MZ RON